

MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM

(CSC 520)

CADANGAN PENGOTOMASIAN INSTITUT PERDAGANGAN MARA

DISEDIAKAN OLEH :

AHMAD HAMZAH MOHD ANUAR 89605039

NORAZRI DAUD 89604846

RUSLAN SULAIMAN 89604661

RUSHASNAN ABD HAMID 89605803

ZAILAN ZUBIR 89605133

KAJIAN : PERHNIAGAAN DAN PENGURUSAN

KURSUS : ADVANCED DIP. IN BUSINESS STUDIES

MARKETING PART - 1

ITM, SHAH ALAM.

SELANGOR DARUL EHSAN

RAKAMAN PENGHARGAAN

Dalam menyediakan kertas kerja ini, kumpulan kami ingin mengucapkan jutaan terimakasih terutamanya kepada En. Kamaruddin Sulaiman yang telah memberi segala tunjuk ajar kepada kami dalam menjayakan kertaskerja MIS 520 ini.

Kami juga ingin merakamkan ribuan terimakasih kepada semua pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam melicinkan lagi penyediaan kertaskerja ini.

Kami juga ingin memohon ribuan ampun dan maaf andai kata terdapat silap dan salah di pihak kami semasa berurusan dengan pihak-pihak yang terlibat.

Penghargaan juga kepada:

1. En. Azmi
Pengetua
Institut Perdagangan MARA
2. En. Hamdan
Penolong Pegawai Tadbir
Institut Perdagangan MARA
3. En. Shafie
Bahagian HEP
Institut Perdagangan MARA
4. Kakitangan
Institut Perdagangan MARA
5. Teman-teman sekuliah
ADBS (MKTG)
6. Teman-teman sebilik

Akhirkata persefahaman dan kerjasama yang ditunjukkan oleh tiap-tiap ahli kumpulan ini dalam menyiapkan kertaskerja ini adalah amat memuaskan dan membanggakan.

ISI KANDUNGAN	MUKASURAT
1.0 <u>PROPOSAL KAJIAN</u>	
1.1 OBJEKTIF KAJIAN	1
1.2 SKOP DAN BATASAN	2
1.3 METODOLOGI	3
1.4 SUMBER MAKLUMAT	4
2.0 <u>Pengenalan</u>	
2.1 MATLAMAT	5
2.2 KURSUS YANG DITAWARKAN	6
2.3 KELENDER PENGAJIAN	7
2.4 SYARAT MEMOHON	8
2.5 KURSUS ICA	8
3.0 <u>ASPEK PENGURUSAN</u>	
3.1 STRUKTUR ORGANISASI	9
3.2 ALIRAN KERJA MANUAL	12
3.3 HARTA-HARTA SEMASA IPM	16
3.4 MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI	16
4.0 <u>PENGOTOMASIAN</u>	
4.1 OBJEKTIF PENGOTOMASIAN	19
4.2 ALTERNATIF SISTEM KOMPUTER	21
4.3 CARA-CARA PEMROSESAN	25
4.4 TRANSFORMASI	26
4.5 SISTEM OTOMASI	27
4.6 NORMALISASI	27
4.7 ERD	27

5.0	<u>KONFIGURASI SISTEM YANG DICADANG</u>	
5.1	UNIT PEMROSESAN PUSAT	29
5.2	CADANGAN SISTEM	30
5.3	KEBAIKAN SISTEM YANG DICADANG	31
5.4	KELEBIHAN PERKAKASAN	31
6.0	<u>SISTEM KAWALAN KESELAMATAN</u>	
6.1	KAWALAN SISTEM	32
6.2	KESELAMATAN DATA	32
6.3	KESELAMATAN BILIK KOMPUTER	33
7.0	<u>JADUAL PERLAKSANAAN</u>	34
8.0	<u>IMPLIKASI KEWANGAN</u>	
8.1	KOS SISTEM YANG DICADANGKAN	37
8.2	SENARAI PERKAKASAN YANG DICADANGKAN	37

1.0 PROPOSAL KAJIAN

1.1 OBJEKTIF KAJIAN

Melalui kajian yang telah dijalankan, beberapa objektif telah ditetapkan bagi memandu ke arah menjayakan projek ini.

Di antara objektif ini ialah :

- 1.1.1 Bagi memudahkan IPM menjalankan kerja mereka dengan lebih sistematik dan teratur. Ini akan memperkemaskan lagi mutu kerja di samping dapat menjimatkan masa.
- 1.1.2 Dengan perkembangan teknologi masa kini, maka amatlah wajar bagi sesebuah institusi seperti IPM menggunakan kaedah berkomputer dalam menyelaraskan kerja-kerja harian mereka.
- 1.1.3 Untuk tujuan memodenkan keseluruhan operasi IPM dengan memperkenalkan kaedah pengotomasi sistem supaya selari dengan institusi-institusi pengajian lain.
- 1.1.4 Untuk memenuhi kehendak kursus dengan menyediakan kertaskerja untuk projek Sistem Pengurusan Maklumat (MIS).